

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT UNTUK PROGRAM BANTUAN BAYARAN BAGI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI

Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai untuk Program Bantuan Bayaran (“**Program**”) yang tersedia dari 7 Julai 2021 dan seterusnya kepada peminjam/pelanggan individu yang mempunyai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi (“**Kemudahan**”) dan yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) dan tidak didalam proses pemulihan dengan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) setakat tarikh permohonan Program.

- A. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, seperti mana yang berkenaan, sebagai institusi kewangan yang memberikan pinjaman/pembiayaan kepada anda.
- B. Anda hanya boleh membuat satu pilihan dari 2 pilihan di bawah dan setelah pilihan anda dibuat, pilihan tersebut tidak boleh diubah.
- C. Kadar Faedah/Keuntungan Semasa untuk Kemudahan hendaklah kekal sama.
- D. Tempoh Kemudahan tidak akan dilanjutkan dan akan kekal sama.
- E. Sekiranya anda telah mendaftar dalam program pelepasan bayaran yang lain, program tersebut akan dihentikan sebaik sahaja Program ini dimulakan.
- F. Sekiranya Bank mengetahui bahawa anda telah memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak lengkap dalam permohonan anda untuk Program ini, Bank boleh mengubah atau mengubah suai syarat pembayaran anda atau membatalkan penyertaan anda didalam Program ini.
- G. Bank boleh menghentikan Program pada bila-bila masa dengan memberi notis di laman webnya.
- H. Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan pada bila-bila masa sehingga akaun anda tertunggak selama 90 hari atau lebih, anda bersetuju bahawa Bank boleh menawarkan penyelesaian khusus yang lebih sesuai dengan kedudukan kewangan anda, yang mungkin termasuk berkongsi butiran pinjaman/pembiayaan anda dengan AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan selanjutnya bagi mengurus hutang anda dan membenarkan AKPK mengakses maklumat CCRIS anda.

Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Bayaran 6 Bulan (“Tempoh Penangguhan 6 Bulan”)

- 1. Pembayaran tidak perlu dilakukan selama enam (6) bulan bermula bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 1 untuk Program (“**Tempoh Penangguhan 6 Bulan**”) yang akan dimaklumkan kepada anda. Anda diperlukan untuk menyambung pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan 6 Bulan.
- 2. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggannya, di bawah Pilihan 1 ini, CIMB tidak akan mengkompaun sebarang faedah/keuntungan terakru semasa Tempoh Penangguhan 6 Bulan. Faedah/keuntungan masih akan dikenakan pada Kemudahan semasa Tempoh Penangguhan 6 Bulan dan pembayaran untuk faedah /keuntungan terakru mesti dilakukan selepas Tempoh Penangguhan 6 Bulan.

Selepas tamat Tempoh Penangguhan 6 Bulan, pembayaran yang dilakukan akan diguna pakai ke atas pembayaran untuk yang berikut:

- Faedah/Keuntungan (termasuk faedah/keuntungan terakru); dan
 - Jumlah Kemudahan Utama.
3. Untuk Kemudahan dengan CIMB Bank Berhad, perkara berikut akan berlaku;
 - Kesemua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan 6 Bulan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dibayar pada permulaan Tempoh Penangguhan 6 Bulan;
 - Anda akan menikmati pelepasan kewangan pada jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Oleh itu, sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik, anda boleh pada bila-bila masa memohon perubahan terma bayaran balik/bayaran Kemudahan bagi mengurangkan kos keseluruhan Kemudahan anda dengan menghubungi kami di 603-62047788 atau e-mel kami di covidcare@cimb.com; dan
 - Pada akhir tempoh Kemudahan, anda mungkin diminta untuk membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi.
 4. Untuk Kemudahan dengan CIMB Islamic Bank Berhad, perkara berikut akan berlaku;
 - Kesemua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan 6 Bulan, jika ada, akan membentuk sebahagian dari jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar dari pengakhiran Tempoh Penangguhan 6 Bulan sehingga berakhirnya tarikh matang Kemudahan yang diselaraskan; dan
 - Tarikh matang Kemudahan akan diselaraskan sebanyak 6 bulan untuk menampung ansuran bulanan. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada akhir tarikh matang Kemudahan diselaraskan.
 5. Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dihentikan semasa Tempoh Penangguhan 6 Bulan. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
 6. Sekiranya terdapat kegagalan pembayaran selepas Tempoh Penangguhan 6 Bulan, Bank hendaklah layak untuk bertindak berdasarkan, atau menguatkuasakan mana-mana hak atau remedies yang diberikan di bawah dokumen Kemudahan dan sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank tidak akan beroperasi sebagai pengabaian hak dan remedi Bank di bawah dokumen Kemudahan.
 7. Semua terma-terma dan syarat-syarat lain dalam dokumen Kemudahan dan sekuriti sedia ada hendaklah kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan 50% Bayaran Bulanan 6 Bulan

1. Ansuran bulanan anda akan dikurangkan sebanyak 50% ("**Ansuran Dikurangkan**") selama 6 bulan ("**Tempoh Pengurangan Ansuran 50%**") bermula bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 2 Program yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya 6 bulan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Jumlah ansuran bulanan anda dan tarikh perlu dibayar kekal sama.

3. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggannya, di bawah Pilihan 2 ini, CIMB tidak akan mengkompaukan sebarang faedah/keuntungan terakru semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Faedah/keuntungan masih akan dikenakan pada Kemudahan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50% dan pembayaran untuk faedah /keuntungan terakru mesti dilakukan selepas Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.

Selepas tamat Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, pembayaran yang dilakukan akan diguna pakai ke atas pembayaran untuk yang berikut:

- Faedah/Keuntungan (termasuk faedah/keuntungan terakru); dan
 - Jumlah Kemudahan Utama.
4. Untuk Kemudahan dengan CIMB Bank Berhad, perkara berikut akan berlaku;
 - Kesemua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dibayar pada permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%;
 - Anda akan menikmati pelepasan kewangan pada jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Oleh itu, sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik, anda boleh pada bila-bila masa memohon perubahan terma bayaran balik/bayaran Kemudahan bagi mengurangkan kos keseluruhan Kemudahan anda dengan menghubungi kami di 603-62047788 atau e-mel kami di covidcare@cimb.com;
 - Pada akhir tempoh Kemudahan, anda mungkin diminta untuk membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi; dan
 - Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dikemas kini secara automatik. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
 5. Untuk Kemudahan dengan CIMB Islamic Bank Berhad, perkara berikut akan berlaku;
 - Kesemua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, jika ada, akan membentuk sebahagian dari jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar dari pengakhiran Tempoh Pengurangan Ansuran 50% sehingga berakhirnya tarikh matang Kemudahan yang diselaraskan;
 - Tarikh matang Kemudahan akan diselaraskan sebanyak 3 bulan untuk menampung ansuran bulanan. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada akhir tarikh matang Kemudahan diselaraskan.
 - Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dihentikan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
 6. Sekiranya terdapat kegagalan pembayaran, Bank hendaklah layak untuk bertindak berdasarkan, atau menguatkuasakan mana-mana hak atau remedinya yang diberikan di bawah dokumen Kemudahan dan sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank tidak akan beroperasi sebagai pengabaian hak dan remedi Bank di bawah dokumen Kemudahan.
 7. Semua terma-terma dan syarat-syarat lain dalam dokumen Kemudahan dan sekuriti sedia ada hendaklah kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.